

28/10/2003

Pecah tanah secara maya

KUANTAN: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan upacara pecah tanah pembinaan lapangan terbang baru di Pulau Tioman secara

maya menerusi persidangan video dari Putrajaya pada Rabu ini.

Majlis dianggap unik kerana Dr Mahathir akan berucap, seterusnya melancarkan majlis pecah tanah bersama Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, di tapak projek

di Kampung Paya, kira-kira jam 5 petang.

Projek pembinaan lapangan terbang baru bernilai kira-kira RM150 juta itu

dikatakan penting selepas Pulau Tioman diisytiharkan pulau bebas cukai pada 1 September tahun lalu.

Mengikut atur cara Pejabat Penerangan Pahang, semalam, persidangan video

bersama Dr Mahathir akan berlangsung kira-kira 25 minit.